

# Banjir di Johor tunjuk tanda pulih berbanding semalam

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di Johor menunjukkan tanda semakin pulih berbanding kelmarin berikutan jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 57,220 pada 5 petang semalam berbanding 60,156 sebelumnya.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor berkata, sehingga kini 226 pusat pemindahan di negeri itu masih dibuka manakala 140 lagi sudah ditutup secara berperingkat.

Katanya, banjir yang melanda se-

kitar Parit Sulong, Semerah dan Yong Peng melibatkan seramai 25,613 mangsa masih berada di 73 buah pusat pemindahan manakala di Muar seramai 19,190 mangsa masih berada di 69 buah pusat pemindahan .

Jurucakap itu berkata, seramai 4,639 mangsa masih berada di 28 buah pusat di Kota Tinggi, Johor Bahru (3,516), Segamat (3,187), Mersing (836) dan Kluang (239).

Di Melaka jumlah mangsa banjir di tujuh pusat pemindahan menurun

kepada 2,179 orang sehingga pukul 6 petang.

Di Pahang, mangsa banjir di daerah Rompin dan Pekan, yang ditempatkan di lapan buah pusat pemindahan kekal 832 orang sehingga 9 malam semalam.- Bernama